

Headline **Pangsapuri Anggerik dijamin berubah**
 Date **09 Dec 2009**
 MediaTitle **Berita Harian**
 Section **Sentral**
 Journalist **N/A**
 Frequency **Daily**
 Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**
 Page No **6**
 Article Size **377 cm²**
 Color **Full Color**
 ADValue **7,997**
 PRValue **23,991**



Pangsapuri Anggerik dijamin berubah

BUKIT BERUNTUNG: Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) memberi jaminan Pangsapuri Anggerik di Prima Beruntung yang disifatkan hambar dan seperti kawasan perumahan tertinggal akan berubah wajah tidak lama lagi.

Berikutan penyiaran berita mengenai keadaan projek itu oleh *Sentral* semalam, Ejen Pengurusan Pesuruhjaya Bangunan dilantik MDHS, Ahmad Abu Bakar, berkata ia akan bertukar wajah menjadi semakin ceria dan maju tidak lama lagi.

Katanya, program penjenamaan semula Prima Beruntung itu diadakan bertujuan menyelamatkan nasib pembeli yang semakin dihimpit masalah selepas hartanah mereka terpaksa dilelong bank dan terbiar tidak digunakan sepenuhnya.

Katanya, sebanyak 960 unit rumah pangsapuri di situ diselenggarakan Syarikat Sinar Suria Enterprise bagi dimajukan sebagai kawasan penempatan baru yang akan dikendalikan Yayasan Gabungan Membangun Insan Fikrah dan Tenaga (Gift) Malaysia.

"Kami bersyukur adanya kerjasama dengan yayasan itu yang bermurah hati mengambil pendekatan terbaik memajukan kawasan ini dengan memperkenalkan skim amal jariah termasuk wakaf semua kediaman daripada pemilikinya.

"Yayasan itu akan menjadikannya Pusat Perbandaran Islam dengan membina penempatan anak yatim, ibu tunggal, saudara baru, remaja terlanjur dan bekas pesakit Aids terbesar di Malaysia mulai tahun depan," katanya kepada *Sentral*, semalam.

Ahmad berkata, mengikut perjanjian awal, yayasan

itu diberi hak dan peluang memajukan semula kawasan perumahan Prima Beruntung yang terbiar lebih 15 tahun, untuk tempoh 10 tahun mulai tahun depan.

Katanya, penduduk berpeluang menikmati suasana kehidupan harmoni, kondusif dan selesa selepas kawasan mereka dibangunkan sepenuhnya secara berperingkat.

"Syarikat Sinar Suria adalah agensi dilantik

MDHS untuk menguruskan masalah premis perumahan terbengkalai dan terbiar beberapa tahun mengikut perancangan yang tersusun.

"Kami optimis mampu menjalankan tanggungjawab membangun kawasan bandar baru ini dengan kerjasama pelbagai pihak. Penduduk boleh mengadakan rundingan, perbincangan secara jelas," katanya.

Bandar tinggal

Kehidupan 20 keluarga cukup selesa tanpa kemudahan asas

Joleh Md Fuzi Abd Lateh
www.bukitberuntung.gov.my

BUKIT BERUNTUNG: Perumahan hambar! Itulah unekapan paling suai diberikan kepada penduduk di Pangsapuri Anggerik di Prima Beruntung di sini yang semakin terbiar sepi tidak berpenghuni.

Bandar tinggal tidak ubah seperti sebuah bandar 'tinggal', kawasan yang dibangunkan sejak 15 tahun lalu ini bagaikan 'hidup' dan mati tidak mahu' cukup memeritkan kehidupan kira-kira 20 keluarga di sini.

Tujuan *Sentral* mendapati...

wab dan mengalami kerosakan teruk di beberapa bahagian rumah itu.

Penduduk, Ahmad Sani Abd Mutalib, 46, berkata kebanyakan pembeli rumah kos rendah di situ dikatakan enggan berpindah masuk ke situ kerana tidak mempunyai kemudahan asas seperti penganekutan awam dan prasarana lain.

Katanya, penduduk mendakwa mereka tersalah membuat percaturan membeli kawasan perumahan 'tidak untung' selepas tertala menurut janji manis pemaaju perumahan di situ.

"Selepas mendapat kunci rumah, baru kami tahu hakikat sebenar kawasan perumahan



PANGSAPURI Anggerik di Prima Beruntung daif dan sepi jauh tidak berpenghuni kemudahan asas.

raya, kawasan kedai dan pondok telefon di sini," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Menurutnya, penduduk yang tinggal di situ terpaksa tinggal

kilometer dari Bandar Bukit Sentosa memerlukan suntingan kemajuan drastik.

Katanya, penduduk perlu menggunakan kenderaan sendiri untuk ke bandar.

berp... perlu... atik... tuju... berj... meter

Headline **Pangsapuri Anggerik dijamin berubah**
Date **09 Dec 2009**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Sentral**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,917 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **6**
Article Size **377 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **7,997**
PRValue **23,991**



Ahmad Abu Bakar